

PENDUDUK kampung membantu memeriksa barangan yang boleh diselamatkan.



Siraj Mohd Zaini dan Nursyahrah Marzuki  
am@hmetro.com.my

**Kuala Langat**

“S aya tidak dapat melupakan senyuman cucu saudara, Chia Yuan Bin, 3, yang sangat indah dan senyuman itu akan saya ingat sampai bila-bila,” kata seorang ahli keluarga mangsa kebakaran di sebuah rumah di Jalan Tepi Laut, Tanjung Sepat, Sepang awal pagi semalam.

Dia yang enggan dikenali dan tinggal di sekitar kawasan itu berkata, cucu saudaranya itu sudah lama tinggal bersama abang iparnya, Chia Tee Nang, 73, dan isteri, Lim Mai Shak, 68, serta sepupunya, Ryan Chia Zeng Xi, 10. “Isnin lalu saya lalu di hadapan rumah Chia sebelum membunyikan hon kereta dan melambaikan tangan ke arahnya.

“Namun, saya tidak sangka itu kali terakhir saya melihatnya, saya agak terkilan kerana tidak dapat bertegur sapa dengan mereka pada hari berkenaan,” katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Katanya, hubungannya dengan semua mangsa agak rapat dan sebaik mendapat berita, dia terus bergegas ke lokasi kejadian.

“Saya ingat hanya rumah saja



# TERKILAN TAK TEGUR

■ Dua warga emas, cucu dibunuh sebelum dibakar

terbakar dan tidak sangka kebakaran itu meragut nyawa semua ahli keluarga saya,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pasukan Bomba Sukarela Tanjung Sepat Lim Chin Lee, berkata, sebaik saja mengetahui berita kebakaran itu, beliau terus menghubungi balai bomba terdekat untuk mendapatkan bantuan.

“Sementara menunggu anggota bomba tiba, saya menggerakkan 20 anggota bomba sukarela lain dengan dibantu dua jentera.

“Kami memulakan operasi memadam api di rumah terabit sebelum anggota bomba dari balai terdekat tiba dan menyambung

tugas memadam,” katanya.

Lim yang tinggal berdekatan dengan lokasi kejadian itu berkata, penduduk kampung ada bercerita kepadanya mengenai video seorang mangsa kebakaran yang sempat menyelamatkan diri.

Katanya, dia difahamkan, kanak-kanak lelaki itu terjaga daripada tidur jam 3 pagi kerana terdengar bunyi bising dari garaj kereta dan ternampak dua lelaki bertopeng.

“Menurut kanak-kanak itu, dia ternampak kepala datuk dan neneknya berdarah dan bersembunyi di dalam tandas kerana ketakutan.

“Dia keluar dari tandas apabila menghidu bau asap dan lari ke rumah

bapa saudaranya,” katanya.

Menurutnya, video kanak-kanak yang dirakam penduduk kampung itu juga menunjukkan kesan kelar di bahagian leher mangsa.

“Bagaimanapun, kami tidak pasti kesan kelar itu dari pisau dua penjenayah terabit atau serpihan kayu yang terjatuh ketika kebakaran berlaku,” katanya.

ANGGOTA tentera bomba melakukan siasatan di rumah yang terbakar di Jalan Tepi Laut, Tanjung Sepat, Sepang, semalam.



AHLI keluarga mangsa tidak dapat menahan pilu.